

# UMSKAL anjur Malam Ang Pau 1 Mac

NST 22.2.2014 8

LABUAN : Universiti Malaysia Sabah Kampus, Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan mengadakan program tahunan "Malam Ang Pau" di Dewan Konvensyen, Ujana Kewangan pada 1 Mac bermula pada jam 7.00 malam.

Tahun 2014 ini adalah tahun kuda, justeru itu, tema Malam Ang Pau tahun ini adalah Yi Ma Qian Yuan.

Penyelaras APN, Ooi Ai Yee dan Teong Khan Yun akan memantau dan menyelaras pelajar UMSKAL untuk menjayakan program ini.

Trevelyan Lim Xhing Ping bertindak sebagai pengarah program, Mah Kok Wah dan Chong Hoc Leong selaku timbalan pengarah, Fong Yee Ting sebagai setiausaha dan Chong Yi Man sebagai bendahari manakala lebih daripada 100 orang ahli jawatankuasa telah dilantik dan membentuk satu keluarga organisasi untuk menjayakan program ini.

Menurut Ooi, tema 'Yi Ma Qian Yuan' pada tahun ini memberi makna menyatukan orang ramai terutamanya warga Wilayah Persekutuan Labuan untuk menyambut Tahun Baru Cina 2014 bersama-sama.

Tambahan lagi, mengikut zodiak Cina, tahun kuda merupakan simbol yang ketujuh dan salah satu simbol yang paling bermakna daripada 12 simbol yang lain. Simbol kuda memberi makna kuasa, rahmat, kecantikan, kekayaan, kekuatan dan kebebasan dalam kebudayaan kaum Cina.

Selain daripada malam kemucak Ang Pau 2014, seminggu sebelum Ang Pau Night, satu pameran akan diadakan di ruang legar pentas Ujana Kewangan pada 23 Februari 2014 (Ahad) bermula jam 11.00 pagi hingga 5.00 petang.

Tujuan pameran tersebut adalah berkongsi maklumat kebudayaan dan tradisi kaum Cina dengan pengunjung-pengunjung. Sepanjang tempoh pameran, pengunjung adalah dialu-alukan untuk belajar kaligrafi Cina, petikan Cina dan lain-lain. Selain itu, lukisan Cina, seni Cina dan topeng opera Cina turut dipamerkan.

Sementara itu, pelbagai persembahan yang menarik akan diadakan pada malam kemuncak Ang Pau Night.

Antaranya ialah tarian singa, tarian naga, seni mempertahankan diri kebudayaan Cina, persembahan silap mata, Face-off, 24 gendang perayaan, sarkas tradisional Cina dan tarian moden serta nyanyian artis terkenal tanah air Nick Chung.

"Kami percaya setiap pengunjung yang hadir akan merasa bersemangat dan berpuas hati dengan persembahan yang disajikan pada malam itu. Semua warga Labuan tidak mengira kaum dialu-alukan untuk menghadiri dan menikmati bersama-sama persembahan-persembahan pada malam kemuncak tersebut," katanya.

Untuk maklumat tiket, tiket terbahagi



PEYELARAS ... Baris depan dari kiri Mah, Chong, Cik Ooi (penyelaras utama), En. Teong (penyelaras), Trevelyan Lim (pengarah).

kepada tiga bahagian, yang mana nilainya di antara RM15, RM25 dan RM30. Bayaran yang lebih tinggi akan diberikan tempat duduk yang lebih baik.

Untuk pertanyaan mengenai tiket sila hubungi pengarah program, Trevelyan Lim Xhing Pinq (012-4771550). Untuk maklumat tambahan, sila layari dan "LIKE" laman

facebook dan Blogger kami, maklumat mengenai "Ang Pau Night 2014" akan diberitahu dari semasa ke semasa melalui pautan di berikut, Ang Pau Night 2014, [www.facebook.com/apn2014](http://www.facebook.com/apn2014)

Blogger: [www.apn2014.blogspot.com](http://www.apn2014.blogspot.com). -OLEH JAINUDIN DJIMIN ([jainudin@newsabah-times.com.my](mailto:jainudin@newsabah-times.com.my))